

Pergolakan dalam MCA dan Gerakan

# MCA terus teguh



● Dr. Lim Keng Yek mengengeriskan mesyuarat jawatankuasa pusat parti Gerakan tidak lama dulu.

# Gerakan semakin cemerlang

PERGOLAKAN politik MCA dan Gerakan sepanjang tahun 1981 ini amat menarik perhatian masyarakat. Kedua-bah parti tersebut dalam komponen Barisan Nasional (BN) yang dianggap oleh 11 buah parti di negara ini termasuk parti dari Sabah dan Sarawak.

Pergolakan dalam MCA dan Gerakan menjadi 'highlight' bila Ketua Perhubungan Gerakan Wilayah Persekutuan, Dr. Tan Tiong Hong yang juga Ahli Parlimen Kepong melompat menyertai MCA pada 16 Mei tahun lalu dengan 27 orang penyokong-penyokongnya.

Peristiwa dalam tindakan balasnya pula menerima penyertaan bekas Timbalan Presiden MCA, Datuk Michael Chen yang juga bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjadi Ahli Gerakan pada 2 Jun.

Bermula dari tarikh inilah Gerakan dan MCA mengakhiri 'honeymoon' yang diperolehinya semasa pilihanraya kecil Pengkalan Keta yang mana Ketua MCA Pulau Pinang, Lim Kean Siew menang. Peristiwa tersebut berlaku dalam bulan November 1980. Agak sukar untuk ditela mengapa kedua-dua buah parti dalam komponen BN ini sanggup berkarut sama sendiri? Apakah sebab pengaruh atau ingin melepaskan ketampanan dalam masing-masing dalam memperjuangkan hak turunan Gerakan yang keduanya cuba mendapatkan pengaruh.

**Persaingan**  
Ada juga yang menyatakan pergolakan atau persaingan hebat ini berlaku antara kedua parti tersebut bila MCA Pulau Pinang dapat memujuk dua Ahli Parlimen DAP dan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang menyertai MCA.

Justeru dari kejayaan tersebut, MCA berpuas dapat kekuatannya sudah bertambah dan lebih eloklah parti tersebut mengatur strategi mulai dari tahun ini bagi merampas dari Gerakan.

Ini merupakan andaian sebab ketika itu tetapi setelah mengikuti perkembangan Gerakan dan MCA maka andaian tersebut tidak akan lari dari realitinya.

Penyerian Datuk Michael Chen yang begitu banyak penyokongnya sendiri sudah tentu serba sedikit menambah keahlihan parti Gerakan yang selama ini merupakan parti kecil berpangkalan di Pulau Pinang sahaja.

Bertambah sebab hati MCA bila Excoyua di Perak, Enik Cheong Kai Fu (ADUN Tanjung Tualang) menyertai Gerakan bersama ADUN tungan Parti Progresif Rakyat (PPP) dari Cehmor.

Ekoran dari ini kedua parti tidak berhenti ber-

telah berjaya memperolehi empat Ahli Parlimen cara mudah ialah Kota Melaka (Enik Chan Teck Chan), Enik Sew Hung Khim (Bukit Mertajam), Enik Wong Hoong Keat (Tanjung dan Tan Dr. Tan Tiong Hong (Kepong).

Manakala ADUN pula tiga kawasan iaitu Tengkerah yang dipanggil oleh Enik Chan, Enik Sew (Bandar Bukit Mertajam) dan Enik Chin Nyuk Soo (Paya Terubong).

Kenyataan yang mudah dan simple dari Perdana Menteri ini sudah tentu memberi kesan yang banyak kepada pengaruh kedua parti yang sering bertelagah itu.

Bagaimanapun pada MCA keputusan Datuk Michael Chen melompat ke Gerakan meredakan ketegangan dalam parti tersebut dalam pemilihan pucuk pimpinan MCA pada 19 September.

**Sokongan**  
Disebabkan berlakunya kompromi tersebut, kedudukan Datuk Richard Ho sebagai Timbalan Presiden yang dimenangi pada tahun 1978 tidak terganggu dan membuatkan beliau selamat dari pertandingan.

Dengan demikian, secara tidak langsung Datuk Lee San Choon meredakan ketegangan tersebut. Perselesaian orang China. Perselesaian amat rumit untuk dijawab dengan tepat.

**Hilang**  
Apakah ini bermakna DAP akan terus lenap dan kawasan Parlimen dan Dewan Undangan yang hilang itu tidak kembali kepenguannya dalam pilihanraya umum akan datang?

Inilah persoalan yang perlu dijawab dalam pilihanraya umum akan datang. Tetapi jika dikaji dari trend sejak penubuhan DAP, mereka yang melompat dari parti tersebut akan lenap begitu sahaja seperti Goh Hock Guan dan sebagainya.

Apakah Chan Teck

Chen, Wong Hoong Keat, Sew Hung Khim dan Chin Nyuk Soo menerima nasib yang sama seperti mereka tersebut?

Dan begitu juga dengan Dr. Tan Tiong Hong — apakah beliau dapat mempertahankan kedudukannya di Kepong?

Perselesaian ini lebih afdial dijawab oleh mereka yang terlibat atau pun pemimpin MCA sendiri — yang mana dalam sejarahannya sentiasa mengharap orang lain.

Sebagai penutup adalah wajar diperkatakan MCA adalah sebuah parti China yang terkuat sepanjang tahun 1981.

Syabas diucapkan kepada Datuk Lee San Choon kerana berjaya mengukuhkan kedudukannya tanpa merugikan parti dan kepimpinannya sendiri.

Dan DAP merupakan yang paling malang sekali dan begitu juga kepimpinan Enik Lim Kiat Slang sepanjang tahun 1981 ini. — *6/12/81*

**Peristiwa 2 sepanjang 1981**

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

DAP mengalami nasib malang sekali kerana 'hilang' banyak ahli Parlimennya tahun ini.